

## **Belum ada calon ganti Azharuddin**

---

KUALA LUMPUR: Belum ada calon untuk menggantikan Datuk Seri Azharuddin Abdul Rahman yang meletak jawatan Pengerusi Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Kamarudin Jaffar, berkata perkara itu belum dibawa untuk perbincangan kerana Azharuddin baru mengumumkan peletakan jawatannya. "Belum ada lagi (calon) kerana beliau baru letak jawatan dan pada masa ini belum ada calon pengganti," katanya kepada pemberita di Lobi Parlimen, semalam.

### **Gagal rungkai misteri kehilangan MH370**

Kelmarin, Azharuddin mengumumkan peletakan jawatan sebagai Pengerusi CAAM berkuat kuasa 14 Ogos ini, atas dasar tanggungjawab kerana kegagalan merungkai misteri insiden kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370. Hasil laporan Pasukan Penyiasatan Keselamatan Annex 13 ICAO Malaysia bagi MH370 tidak merumuskan Jabatan Penerbangan Awam (DCA), kini CAAM adalah punca misteri kehilangan pesawat membawa 239 penumpang, pada 8 Mac 2014 lalu. Bagaimanapun, beberapa penemuan dikemukakan menerusi dokumen setebal 449 halaman itu menunjukkan pegawai yang ditugaskan menyelia operasi Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KIATSC) pada hari kejadian tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

---

**SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 8 | 2 OGOS 2018**